

TEKS UCAPAN

Y.BHG. DATO' IR. HJ. ISMAIL B MD SALLEH

PERHIMPUNAN BULANAN 3/13

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI MOHD SALLEH BIN SANTHIMAN

TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA TN. HAJI RAHIM BIN GOON

TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA IR. MOHD SHUHAIMI BIN HASSAN

PENGARAH KANAN PROJEK

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN

PENGARAH KANAN PENGURUSAN

LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN

ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

1. TERLEBIH DAHULU SAYA MEMANJATKAN KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH S.W.T YANG TELAH MENGURNIAKAN SEGALA RAHMATNYA HINGGA KITA SEMUA DAPAT BERKUMPUL PADA PAGI INI DALAM MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN UNTUK BULAN MAC 2013.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN,

2. MASA BERLALU BEGITU PANTAS. SEDAR ATAU TIDAK KITA SEMUA SEBAGAI KAKITANGAN LLM SUDAH HAMPIR BULAN KE EMPAT DALAM MENJAYAKAN AGENDA YANG DIRANCANAKAN PADA AWAL TAHUN . PADA WAKTU INI KOMITMEN YANG JITU TANPA HENTI SANGAT DIPERLUKAN DALAM MENGHASILKAN OUTPUT YANG TERBAIK. APA YANG DIHARAPKAN ADALAH KPI YANG DIRENCANAKAN INI DAPAT MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN LLM DAN SETERUSNYA MEMBERI NILAI YANG TERBAIK ATAU LEBIH TEPAT “*VALUE OF THE PUBLIC DEMAND*”. DALAM KONTEKS NILAI YANG SAYA NYATAKAN INI, TERJEMAHANNYA KEPADA RAKYAT ADALAH LLM MENYEDIAKAN LALUAN LEBUH RAYA YANG CEKAP, SELAMAT DAN SELESA DALAM MEMENUHI JANGKAAN YANG TINGGI (*HIGH EXPECTATION*) OLEH RAKYAT KHUSUSNYA PENGGUNA LEBUH RAYA. JANGKAAN YANG TINGGI INI AKAN MENJADI SITUASI YANG MENCABAR KEPADA KITA SEMUA UNTUK MENYEDIAKAN NILAI TERSEBUT KEPADA PENGGUNA LEBUH RAYA SECARA BERINTEGRITI DAN SAKSAMA

3. . PENGGUNA LEBUH RAYA MELIHAT LLM SEBAGAI PENERAJU DALAM PEMBANGUNAN DAN PENGAWALSELIAAN LEBUHRAYA DAN PADA MASA YANG SAMA MENGUTAMAKAN TAHAP KESELAMATAN UNTUK SEMUA PENGGUNA LEBUH RAYA. PERSOALANNYA, SEJAUH MANA NILAI KESELAMATAN DAN KUALITI JALAN YANG TELAH DIBERIKAN KEPADA RAKYAT? INILAH CABARAN DAN PERUBAHAN YANG SAYA TEKANKAN DIDALAM MERENCANAKAN KPI 2013. SEBENTAR LAGI TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN), EN MOHD

SALEH BIN SANTHIMAN AKAN MEMBENTANGKAN KPI 2013 YANG TELAH DIBANGUNKAN SEBAGAI KAYU PENGUKUR PRESTASI ORGANISASI. PADA TAHUN 2012, KITA TELAH SENARAIKAN 15 KPI DAN BERJAYA MENCAPAI 92.08%. PADA TAHUN INI KITA TELAH MENYENARAIKAN 22 KPI DAN MAKLUMAT TERPERINCI AKAN DIBENTANGKAN SEBENTAR LAGI.

HADIRIN SEKALIAN

4. KURANG LAGI 7 TAHUN KITA AKAN SAMPAI TAHUN 2020. LANDSKAP PERKEMBANGAN TEKNOLOGI PADA HARI INI TELAH MENTRANSFORMASI SEGALA BENTUK KEFAHAMAN, AMALAN, AKSES SERTA BUDAYA DIANTARA KERAJAAN DAN RAKYAT. DENGAN PERKEMBANGAN PROGRESIF TEKNOLOGI MAKLUMAT INI PERDANA MENTERI YAB DATO SERI NAJIB BIN TUN RAZAK MENGESA SUPAYA PENJAWAT AAWAM MENGUASAI TEKNOLOGI HARI INI UNTUK MEMPASTIKAN KEKAL RELEVAN DENGAN PEREDARAN MASA. SKILL KOMUNIKASI INI HENDAKLAH MENJADI TERAS SETIAP PENJAWAT AWAM TERUTAMA YANG TUGASNYA BERHADAPAN DENGAN RAKYAT SECARA LANGSUNG. KESELAMATAN ATAU KEPENTINGAN PERKHIDMATAN AWAM DAN NEGARA.

5. KEMUDAH CAPAIAN AKSES MAKLUMAT TANPA SEMPADAN SUDAH MENJADI RANGKA HIDUP PADA HARI INI YANG DIPANDU OLEH KEPANTASAN, KETEPATAN, KETULUSAN DAN KELUASAN MAKLUMAT YANG KITA TERIMA. SARANAN YAB PERDANA MENTERI SUPAYA PENJAWAT AWAM PERLU BERSIFAT PROAKTIF MELAKUKAN PENYEBARAN MAKLUMAT BERSANDARKAN KETEPATAN TANPA MELANGGAR PERATURAN ATAU RULE OF LAW AGAR PERJALANAN SISTEM PENTADBIRAN TIDAK DIKOMPROMIKAN KEABSAHANNYA. DI SAMPING ITU PERLU ADA KESEIMBANGAN ANTARA KAWALAN KESELAMATAN YANG TERLALU KETAT SEHINGGA MEMBATASI PENYEBARAN MAKLUMAT PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN DENGAN KAWALAN YANG TERLALU LONGGAR YANG BOLEH MEMUDARATKAN.

HADIRIN YANG DIHORMATI SEKALIAN

6. SEORANG PENJAWAT AWAM PERLU BERADA DALAM KEADAAN SIHAT DARI SEGI FIZIKAL DAN MENTAL. TAHAP KESIHATAN YANG TIDAK DIJAGA MEMBERI KESAN TERHADAP PRODUKTIVITI KERJA SESEORANG. DALAM MEMASTIKAN TAHAP KESIHATAN BERADA DALAM KEADAAN BAIK, KITA DIGALAKKAN UNTUK MENGAMALKAN GAYA HIDUP SIHAT. ANTARA CONTOH GAYA HIDUP SIHAT INI MELIPUTI ASPEK PEMAKANAN YANG BETUL DAN MENGAMALKAN SENAMAN YANG BERKALA. MEDIA MASSA TELAH BANYAK KALI MENYIARKAN BERITA TENTANG GAYA HIDUP SIHAT INI KERANA SUDAH ADA KAJIAN YANG MENYATAKAN BAHAWA KADAR OBESITI DALAM KALANGAN RAKYAT MALAYSIA SEMAKIN BERTAMBAH. JELASLAH, ADA BANYAK GAYA HIDUP SIHAT YANG BOLEH DIAMALKAN OLEH MASYARAKAT MALAYSIA.

7. PIHAK PENGURUSAN JUGA MENYOKONG AKTIVITI GAYA HIDUP SIHAT INI DENGAN MENGANJURKAN PERTANDINGAN GAYA HIDUP SIHAT PADA JUN 2012 YANG LALU. PERTANDINGAN INI DIBUKA KEPADA SEMUA WARGA LLM DAN DITAPIS BERDASARKAN TAHAP KESIHATAN MASING-MASING. MASA 3 BULAN DIBERIKAN KEPADA PARA PESERTA UNTUK MENINGKATKAN TAHAP KESIHATAN DARI SEGI TEKANAN DARAH, BERAT BADAN, TAHAP KOLESTROL DAN TAHAP GULA DALAM DARAH. DISAMPING ITU, CERAMAH KESIHATAN DAN PEMERIKSAAAN KESIHATAN PERCUMA TURUT DIBERIKAN SEBAGAI AKTIVITI SOKONGAN BAGI PERTANDINGAN TERSEBUT. PADA HARI INI KITA AKAN MENGETAHUI PEMENANG-PEMENANG BAGI PERTANDINGAN GAYA HIDUP SIHAT YANG BERUSAHA GIGIH BAGI MENINGKATKAN TAHAP KESIHATAN. DIHARAP SELAPAS DARIPADA PERTANDINGAN INI, MEREKA AKAN TERUS MENGAMALKAN GAYA HIDUP SIHAT DAN MENJADI CONTOH KEPADA YANG LAIN.

HADIRIN SEKALIAN

8. SEBELUM SAYA MENGAKHIRI UCAPAN SAYA INGIN MENINGATKAN BAHAWA KITA HANYA TINGGAL 9 BULAN SAHAJA LAGI DALAM MENGHARUNGI TAHUN 2013. KITA SEMEMANGNYA TIADA PILIHAN SELAIN MEMBERIKAN KUALITI PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG TERBAIK. PERLAKUAN DAN TINDAKAN KITA HARUSLAH SELARI DENGAN PERANAN KITA SELAKU PAKAR TEKNIKA KEPADA KERAJAAN. SELAKU AGENSI TEKNIKAL UTAMA DALAM PEMBANGUNAN DAN PENGAWALSELIAAN LEBUHRAYA, KITA SEHARUSNYA BERTINDAK SEBAGAI PAKAR RUJUK UTAMA ATAU SINGLE REFERENCE POINT DALAM PELAKSANAAN PROJEK INFRASTRUKTUR AWAM MERANGKUMI ASPEK PERANCANGAN, PEMBINAAN DAN PENYENGGARAAN LEBUHRAYA. AMBILAH PELUANG KEPADA PEGAWAI-PEAGAWAI YANG TELAH DIPILIH UNTUK MENGHADIRI INTERNATIONAL CONSTRUCTION WEEK (ICW) DAN PERSIDANGAN REAAA UNTUK MENIMBA PENGETAHUAN DAN SETERUSNYA MELUASKAN *NETWORKING* DIDALAM INDUSTRI LEBUH RAYA.

9. AKHIR KATA SAYA MENYERU SUPAYA KEHADIRAN KITA DALAM MELAKSANAKAN TUGAS SETIAP HARI BAIK DI PEJABAT MAHUPUN DI TAPAK ADALAH TIDAK SIA-SIA DAN BERBALOI. RIBUAN TERIMA KASIH DIUCAPKAN KEPADA WARGA LLM YANG TELAH MEMBERI KOMITMEN YANG TIDAK BERBELAH BAGI DAN BEKERJASAMA DEMI MEMPERTINGKATKAN IMEJ DAN PRESTASI LLM.

WABILLAHИ TAUFIK WALHIDAYAH, WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH.